BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkita | smartpj

BIL. 4/2019 • : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 : 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my PERCUMA

Berita Penuh MS. 3

SELAMAT DATANG DATUK BANDAR PETALING JAYA

MOTOCROSS : PELANCONGAN SUKAN DALAM BANDAR

Menjadikan MBPJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berstatus bandar raya pertama menganjurkan kejohanan sukan motorsikal lasak dalam bandar di Malaysia.

Berita Penuh MS. 04

ZIARAH KASIH SEMPENA SAMBUTAN HARI AUTISME SEDUNIA

Tujuan sambutan ini adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat agar lebih peka terhadap keadaan pesakit autisme.

Berita Penuh MS. 05

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkita | smartpj

PENAUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT
Johary Bin Anuar
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Muhamed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shah Bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Shamsul Bahrin Bin Abdul Mutalib
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
: 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
: 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Johary Bin Anuar
Timbalan Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

TPr. Hjh. Sharipah Marhaini Binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur A/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan PengurusanHarta
Tel : 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Zuraidah Binti Sainan
Pengarah,
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8906

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura Binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari Bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza Binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida Binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam Dan Integriti
Tel : 03-7954 0130

Norzita Binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi A/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 / 03-6143 6475 / 03-6143 4195 / 03-6143 5942

ANUGERAH SENI BINA LANDSKAP MALAYSIA 2019 :

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA RANGKUL ANUGERAH HONOR

PETALING JAYA | ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah *Honor* di majlis Anugerah Seni Bina Landskap Malaysia 2019, yang berlangsung di salah sebuah hotel di Kelana Jaya, melalui projek komuniti Jabatan Landskap iaitu "Soup Kitchen@Kebun Kita".

Anugerah ini merupakan tahun kedua berturut-turut Majlis menggondol anugerah yang sama di bawah kategori Inisiatif Hijau (Kerajaan) selepas memenanginya tahun sebelumnya bagi projek komuniti "Agrobox@Kebun Kita".

Soup Kitchen@Kebun Kita merupakan projek perintis yang diadakan untuk membasmi kemiskinan bandar di sekitar Petaling Jaya. Projek ini bertujuan untuk membaik pulih gaya hidup dan persekitaran di sekitar penempatan perumahan rakyat dengan kerjasama Komuniti PPR Seksyen 8 Kota Damansara dan NGO, *Friends of Kota Damansara*.

Dilancarkan pada 9 April 2017, Jabatan Landskap telah mengenal pasti beberapa kawasan terbiar dan bermasalah berhampiran dengan gugusan pangsapuri PPR Seksyen 8 untuk dijadikan sebagai lokasi program Kebun Kita, iaitu program kebun komuniti PJ.

Soup Kitchen merupakan salah satu inisiatif di Kebun Kita tersebut, di mana tanah terbiar, dengan kerjasama komuniti PPR Seksyen 8, telah ditransformasikan kepada sebuah kebun sayur-sayuran organik, yang membekalkan makanan segar secara percuma kepada komuniti tersebut, terutama kepada keluarga-keluarga yang mengalami kekangan kewangan dan kesempitan hidup.

Program ini juga menggunakan moto "Utamakan Masyarakat" yang memberi penekanan kepada kepentingan komuniti, melebihi kepentingan individu ataupun orang perseorangan.

Soup Kitchen@Kebun Kita merupakan bukti kejayaan kerjasama berterusan antara badan kerajaan, komuniti dan NGO. Program ini telah menjadi platform untuk menaikkan taraf kehidupan masyarakat, memupuk sikap berpasukan dan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat.

Piala dan sijil penganugerahan di bawah kategori Inisiatif Hijau.

Selamat Datang DATUK BANDAR PETALING JAYA

PETALING JAYA
ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

JALAN YONG SHOOK LIN, 4 APRIL - Telah berlangsungnya majlis penerimaan jawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya ke-5 bagi menggantikan Dato' Mohd. Azizi Bin Mohd. Zain.

Majlis penerimaan jawatan Datuk Bandar telah disaksikan Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar, Ahli-ahli Majlis dan pengarah-pengarah jabatan di Dewan Bunga Tanjung, Ibu Pejabat MBPJ.

Pengalaman beliau dalam meneraju beberapa agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan sebelum ni dilihat mampu meneruskan agenda membangunkan Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar selain melihat ruang-ruang penambahbaikan dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik.

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar, Datuk Bandar Petaling Jaya berjabat mesra bersama Pengarah MBPJ serta Ahli-ahli Majlis Petaling Jaya.

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar dilantik sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya yang ke-5.

PETALING JAYA LOKASI PELANCONGAN SUKAN DALAM BANDAR

PETALING JAYA
HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya buat julung kalinya telah menganjurkan *PJ Urban Motocross Challenge And Celebrity Fun Race 2019* pada 20 dan 21 April 2019 yang lalu selaras dengan hasrat Majlis bagi mempromosikan bandar raya Petaling Jaya sebagai lokasi pelancongan sukan dalam bandar.

Penganjuran kejohanan itu menjadikan MBPJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berstatus bandar raya pertama menganjurkan kejohanan sukan motosikal lasak dalam bandar di Malaysia. Majlis berhasrat untuk menjadikan sukan motosikal lasak sebagai antara aktiviti riadah komuniti dalam bandar di samping menganjurkan pertandingan peringkat negeri dan bertaraf antarabangsa.

MBPJ telah membuat satu pembaharuan dan cetusan penjenamaan terbaru bagi komuniti di Petaling Jaya iaitu PJ KITA yang akan meletakkan Majlis selari dengan kehendak komuniti pada masa kini serta memastikan setiap informasi berkaitan aktiviti dan program Majlis dapat disebarluaskan dan dicapai oleh orang awam dengan mudah dan cepat.

PJ KITA adalah satu gerakan komuniti yang bersifat keterbukaan iaitu segala implimentasi pelan dan program digubal mengikut aliran perkembangan terkini dan selari dengan kehendak dan pandangan komuniti. PJ KITA juga merupakan satu platform *community engagement* secara berdigital yang akan menghubung eratkan dan melahirkan nilai-nilai kekitaan dalam kalangan penduduk dan warga kerja MBPJ.

MBPJ mengambil pendekatan melalui program PJ KITA dalam menganjurkan sukan motosikal lasak yang julung kali diadakan dalam kalangan komuniti Petaling Jaya. Sukan motosikal lasak ini juga tidak asing lagi buat peminat dua roda dan menjadi antara sukan permotoran yang diceburi oleh pelbagai lapisan umur.

Penganjuran *PJ Urban Motocross Fun Race And Celebrity 2019* ini telah mendapat kerjasama dari Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd., Red Bull Malaysia dan Kelab Motosikal Lasak Malaysia. Kejohanan ini telah diadakan di SS7 /15 berhampiran Kompleks Renang MBPJ.

Panjang keseluruhan litar bagi kejohanan ini adalah 1.2 kilometer. Jumlah penyertaan yang menyertai kejohanan ini adalah seramai 210 peserta termasuk dari luar negara iaitu Singapura dan Thailand.

Sebanyak lapan (8) kategori telah dipertandingkan iaitu *Novice*, CKD, *Cubcross, Veteran, Expert, Women*, Kadet dan Junior. Kejohanan ini juga menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan yang berjumlah RM 13,800.00 berserta piala iringan dan sijil penyertaan. Selain itu, kejohanan ini juga turut menampilkan selebriti popular antaranya Black, Fizo Omar, Hazama, Achey, Villa Hafiz, Qody Mentor, Mamak Puteh, Pablo dan *Man sixpoint two.*

Kanak-kanak juga turut bertanding dalam kategori junior.

Jumlah penyertaan yang menyertai kejohanan ini adalah seramai 210 peserta termasuk dari luar negara iaitu Singapura dan Thailand.

Penganjuran *PJ Urban Motocross Fun Race And Celebrity 2019* ini telah mendapat kerjasama dari Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn Bhd, Red Bull Malaysia dan Kelab Motosikal Lasak Malaysia.

ZIARAH KASIH SEMPENA HARI AUTISME SEDUNIA

PETALING JAYA
HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

SEKSYEN 17, 2 APRIL – Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyambut Hari Autisme Sedunia di program pendidikan khas integrasi Sekolah Kebangsaan Sri Damai, Seksyen 17, Petaling Jaya.

Tujuan sambutan ini adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat agar lebih peka terhadap keadaan pesakit autisme.

Pada hari berkenaan kesemua warga kerja MBPJ mengenakan pakaian bertemakan warna biru "light it up blue" sebagai simbolik tanda sokongan dan prihatin terhadap pesakit autisme.

Ciri-ciri kanak-kanak Autisme biasa termasuk masalah dengan perhubungan sosial, komunikasi emosi, dan juga pola biasa berkaitan dengan minat, aktiviti dan perangai.

MENANGANI ISU AKTIVITI PENGINAPAN KOMERSIAL

PETALING JAYA
HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan bengkel menangani isu aktiviti penginapan komersial di bangunan kediaman pada 4 April di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan isu berkaitan perkhidmatan airbnb (air bed and breakfast) yang memerlukan instrumen khas atau garis panduan kawalan di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Sebagai langkah proaktif, Majlis membuat keputusan untuk mendapatkan maklum balas dari semua pihak yang berkepentingan sebelum tindakan lanjut diambil.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar.

PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PETALING JAYA
MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada kakitangan dan rakan strategik tentang Dasar Keselamatan ICT yang dilaksanakan oleh Majlis. Program ini merupakan acara tahunan Majlis sejak tahun 2016.

Program ini juga merupakan salah satu keperluan bagi pematuhan pensijilan ISO IEC 2007:2013 *Information Security Management System* (ISMS) bagi skop Sistem Pengurusan Keselamatan bagi maklumat elektronik cukai taksiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Program Kesedaran Keselamatan ICT pada tahun ini berlangsung selama 3 minggu bermula pada 11 Mac 2019 dan berakhir pada 29 Mac 2019. Di antara pengisian yang dibuat adalah seperti berikut :

Pertandingan mencipta poster Dasar Keselamatan ICT

Pertandingan ini diadakan pada 11-22 Mac 2019. Program ini mendapat 11 penyertaan yang terdiri daripada kakitangan Majlis. Poster yang terpilih sebagai pemenang, akan dicetak dan diedarkan kepada kakitangan dan dipaparkan di laman sesawang MBPJ untuk rujukan dari semasa ke semasa.

Pertandingan *Amazing Running Hunt*

Pertandingan ini telah diadakan pada 16 Mac 2019. Sebanyak 22 kumpulan yang terdiri daripada 88 orang peserta telah menyertai pertandingan ini. Peserta terdiri daripada 13 kumpulan dalam kalangan kakitangan MBPJ, 4 kumpulan terdiri daripada rakan strategik ICT, 1 kumpulan daripada komuniti PJS dan 4 kumpulan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Daerah Tajung Malim. Pada kali ini, pertandingan *Amazing Running Hunt* tertumpu di kawasan PJS iaitu di *PJ Art Lane* Seksyen 51A, Dusun Bandar MBPJ di Jalan Railway, *PJ Hub Bus* Taman Medan, Perpustakaan Komuniti Cawangan Taman Medan PJS 4/27A, serta Dewan Komuniti PSJS 4.

BENGKEL KESEDARAN KESELAMATAN ICT

Bengkel telah di adakan pada 20 Mac 2019 dengan penglibatan daripada peserta seramai 182 orang. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran dasar keselamatan ICT yang dilaksanakan di MBPJ untuk kakitangan baru dan lama serta merupakan salah satu program yang perlu diadakan bagi pematuhan ISO IEC 2007:2013 *Information Security Management System*. Selain itu, program ini turut memberi pendedahan dan kesedaran dalam menjaga keselamatan maklumat dari segi ancaman keselamatan siber serta tanggungjawab mereka melindungi maklumat Majlis daripada kebarangkalian terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pada masa yang sama, program seperti ini dapat memantapkan ilmu dan kemahiran para peserta dalam mentadbir sumber ICT dan pengurusan maklumat dengan mengadakan sesi latihan dan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan ICT dalam urusan kerja termasuk pengurusan keselamatan maklumat elektronik pelanggan dan orang awam.

Selain daripada kakitangan MBPJ, para peserta juga terdiri daripada rakan PBT lain seperti Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Perbandaran Port Dickson.

Pertandingan Kuiz ICT "Cabar Minda Anda"

Pertandingan ini telah mendapat penyertaan seramai 30 orang. Objektif pertandingan diadakan adalah untuk melahirkan semangat bersukan yang aktif. Selain itu, ia juga menggalakkan perkongsian dan percambahan idea yang kreatif dan berinovasi berorientasikan ICT. Akhir sekali, mewujudkan semangat berpasukan dan menguji minda dalam cabaran yang diberikan berteraskan ICT.

GOTONG-ROYONG PERDANA BASMI DENGGI

PETALING JAYA
MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

TAMAN MEDAN, 14 APRIL - Telah berlangsungnya program gotong-royong perdana basmi denggi anjuran KPKT tahun 2019 peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Program gotong-royong ini telah diadakan di taman permainan, Blok B, Flat Taman Medan Cahaya, Jalan PJS 2C/2.

Aktiviti gotong-royong dan pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk telah dilakukan dari rumah ke rumah dan kawasan sekitar.

Program gotong-royong ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar, Negeri Selangor , Yang Berhormat Puan Haniza Mohamed Talha.

OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN NEGERI SELANGOR

PETALING JAYA
MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

SEKSYEN 52, 23 APRIL - Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan melibatkan penjaja dan pusat mencuci kenderaan di sekitar kawasan Petaling Jaya.

Hasil daripada serbuan tersebut, sebanyak 11 pemeriksaan ke atas aktiviti perniagaan dan 45 pemeriksaan individu telah dilaksanakan. Majlis telah menjalankan 11 tindakan sitaan ke atas aktiviti perniagaan tanpa lesen. Manakala, seramai 18 individu telah ditahan untuk siasatan selanjutnya oleh pihak Jabatan Imigresen. Operasi-operasi sebegini akan diteruskan bagi memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

Operasi-operasi sebegini akan diteruskan bagi memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA SEMAI TABIAT MEMBACA

PETALING JAYA
ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Pada 23 April 2019 yang lalu, Majlis telah mengadakan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit / *Let's Read Together For 10 Minutes* yang telah diadakan untuk kali ke-6 sejak tahun 2014. Program ini merupakan program yang diadakan secara serentak di seluruh Malaysia yang bertujuan untuk memastikan tabiat atau budaya membaca dalam kalangan masyarakat setanding dengan negara maju di dunia. Objektif program ini juga seiring dengan sokongan dan dengan seruan Kerajaan dalam menuju ke arah Dekad Membaca Kebangsaan 2030.

Selain itu, program ini juga turut mendorong masyarakat membaca, dimulai dengan langkah awal selama 10 minit dan diharapkan budaya membaca selama 10 minit ini dijadikan budaya setiap hari dan sepanjang masa. Kerajaan juga telah mensasarkan Malaysia untuk menjadi negara maju dan salah satu indikator negara maju adalah kadar rakyatnya yang suka dan rajin membaca.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat memupuk dan menyemai minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sekali gus menjadikan perpustakaan awam negeri-negeri di seluruh negara relevan dan sangat dekat di hati masyarakat.

PROGRAM MESRA RAKYAT

PETALING JAYA
MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

DAMANSARA DAMAI, 21 APRIL - MBPJ telah menganjurkan program mesra rakyat MBPJ peringkat Dun Bukit Lanjan bertempat di Dewan Komuniti, Damansara Damai.

Program ini merupakan satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial Majlis kepada penduduk sekitar Damansara Damai bagi mengeratkan hubungan dua hala serta membendung permasalahan sosial dengan pengisian program yang sihat dan bermanfaat.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya pertandingan *street soccer*, bola jaring, mewarna, motor retro, aktiviti rimba, dan pelbagai lagi.

Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar. Turut hadir sama ADUN Bukit Lanjan Yang Berhormat, Puan Elizabeth Wong Keat Ping.

HARI TERBUKA *SMART PJ WASTE SOLUTION LAB*

PETALING JAYA
HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Hari Terbuka *Smart PJ Waste Solution Lab* @ SS2 pada 20 April 2019 yang lalu bertempat di Jalan SS 2/63, Petaling Jaya. Penganjuran program ini adalah bersempena sambutan Hari Bumi yang dianjurkan pada setiap 22 April sebagai usaha menghargai dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.

Antara aktiviti yang diadakan adalah jualan hasil dan tanaman seperti bahan kompos cecair (liquid compost), anak pokok, biji benih serta demonstrasi penggunaan kaedah penanaman sayur-sayuran secara hidroponik. Majlis juga turut memberikan 1 botol berkapasiti 1.5 liter bahan kompos cecair kepada 300 pengunjung terawal.

LAWATAN MUHIBAH ZON 22

KELANA JAYA, 6 APRIL 2019 - Bagi memupuk rasa muhibah dan saling hormat-menghormati antara agama, Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar bersama-sama MPP Zon 22 dan wakil Masjid Nurul Yaqin telah mengadakan lawatan muhibah ke Kuil Mariamman di SS7 dan Chempaka Buddhist Lodge di Taman Chempaka. Para peserta diberi taklimat berkenaan fahaman agama oleh ketua agama tempat-tempat ibadat tersebut.

PROJEK MELUKIS MURAL PELAJAR LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE

KELANA JAYA, 27 APRIL 2019 - Pelajar Lincoln University College telah menjayakan projek melukis mural di Taman Kelana Indah. Projek ini untuk menceriakan kawasan dan juga bersempena dengan sambutan Hari Bumi. Lukisan mural tersebut membawa tema “Bumi Hijau dan Memupuk Kesedaran Menjagai Haiwan Hampir Pupus.”

PASUKAN SEDAR

SEKSYEN 3, 7 APRIL 2019 - Seramai 20 ahli pasukan SEDAR dan kakitangan Unit Kawalan Vektor MBPJ telah melakukan pemeriksaan rumah-rumah terbiar di Seksyen 3, Petaling Jaya. Pemeriksaan ini bertujuan untuk mengesan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.

SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT ZON 22

KELANA JAYA, 28 APRIL 2019 – Sambutan Hari Bumi peringkat Zon 22 telah dirasmikan oleh ADN Seri Setia, YB Tuan Halimey Abu Bakar. Pelbagai acara telah berlangsung seperti pelancaran program pengasingan sampah, demonstrasi inovasi hijau dan pasar percuma.

PROGRAM *READ-WRITE-COUNT*

SEKSYEN 22, 7 APRIL 2019 - Seramai 34 orang kanak-kanak dari Flat Sri Aman telah menyertai program *read-write-count* yang berkonsepkan *fun learning* untuk membantu kanak-kanak meningkatkan penguasaan membaca dan mengenal pasti mereka yang bermasalah dalam kemahiran tersebut.

SMART FINANCE WORKSHOP

SEKSYEN 52, 13 APRIL 2019 - Bertempat di Bilik Syarahan Dewan Sivik MBPJ telah berlangsung *Smart Finance Workshop* untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan perancangan kewangan kepada anak muda dan perancangan aset kepada warga emas. Bengkel ini merupakan anjuran Ahli Majlis Zon 19, En. Farhan Haziq Mohamed dan pejabat Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku.

PROJEK PEMBANGUNAN KAWASAN LAPANG DATARAN ANAK MUDA PJS1

PJS1, 10 APRIL 2019 - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik bersama-sama wakil Jabatan Landskap MBPJ turun padang dalam sesi lawatan dan dialog bersama-sama penduduk bagi membincangkan projek pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan lapang Dataran Anak Muda PJS1.

PROGRAM PEMULIHAN ASAS

TAMAN KANAGAPURAM, 12 APRIL 2019 – Klinik Kesihatan Taman Medan telah melakukan pemeriksaan dan rawatan gigi kepada 20 orang penghuni Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Taman Kanagapuram. Penghuni rumah tersebut terdiri daripada anak-anak istimewa yang sedang menjalani program pemulihan asas untuk mengembangkan bakat dan keyakinan diri.

FESTARI PJ 2019 : Cintai Warisan Seni Budaya

PETALING JAYA
AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Festari PJ 2019, bertemakan 'Cintai Warisan Seni Budaya' bertempat di Dewan Auditorium, Dewan Sivik MBPJ. Festari merupakan pertandingan tarian yang mengetengahkan konsep tarian tradisional bagi memartabatkan kecemerlangan budaya dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.

Selain itu, penganjuran seumpama ini juga dapat menarik minat para pelajar untuk terus melibatkan diri mempelajari seni tarian dan memberi pendedahan kepada golongan remaja untuk menjadi penyambung warisan seni budaya agar tidak luput ditelan arus permodenan.

Penganjuran Festari PJ itu merupakan kali ke-9 dianjurkan oleh MBPJ selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai Kota Seni. Penganjuran Festari PJ disertai sekolah-sekolah dari seluruh Negeri Selangor. Lebih menarik pertandingan pada kali ini diiringi dengan muzik latar yang dimainkan oleh kumpulan Orkestra Tradisional MBPJ.

Sebanyak 24 buah sekolah telah menyertai Festari PJ dan hanya 20 buah sekolah melepasi peringkat saringan yang diadakan pada 23 dan 24 April 2019.

MBPJ menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM 22,000.00 bagi penganjuran festari pada tahun ini. Johan bagi setiap kategori akan membawa pulang (RM 4,000.00 + piala iringan dan sijil), Manakala naib juara setiap kategori (RM 3,000.00 + piala iringan dan sijil), tempat ketiga setiap kategori (RM 2,000.00 + piala iringan dan sijil), kostum terbaik setiap kategori (RM 1,000.00 + piala iringan dan sijil) dan kumpulan harapan setiap kategori (RM 1,000.00 + piala iringan dan sijil).

Festari PJ 2019 peringkat akhir turut diserikan dengan kehadiran Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar. Beliau turut menyempurnakan majlis penyampaian hadiah dan diiringi oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary bin Anuar.

Berikut merupakan senarai sekolah-sekolah yang bertanding di peringkat akhir pada 27 April 2019 mengikut kategori:

Festari PJ, SELANGOR IX 2019

KATEGORI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

SK TAMAN MEDAN **(JOHAN & KOSTUM TERBAIK)**
SK KG.TUNKU **(NAIB JOHAN)**
SK TAMAN SUNGAI BESI INDAH **(KETIGA)**
SK SRI PETALING **(KUMPULAN HARAPAN)**
SK SEKSYEN 27 (1)
SK PULAU MERANTI
SK LEMBAH SUBANG
SK CYBERJAYA
SK SRI SERDANG
SK (P) METHODIST KLANG

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

SMK SULTAN ABDUL SAMAD **(JOHAN & KOSTUM TERBAIK)**
SMK (P) SRI AMAN **(NAIB JOHAN)**
SMK TAMAN MEDAN **(KETIGA)**
SMK ASSUNTA **(KUMPULAN HARAPAN)**
SMK KOTA KEMUNING
SMK SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA
SMK BATU UNJUR
SMK LEMBAH SUBANG
SMK SEKSYEN 4 KOTA DAMANSARA
SMK (L) BUKIT BINTANG

Festari 2019 PJ

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkita | smartpj

BIL. 4/2019 • : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 : 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my PERCUMA

KARNIVAL 3W@MBPJ

PETALING JAYA AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

SEKSYEN 52, 6 APRIL - Telah berlangsungnya Karnival 3W (wellness, wellfare, women) yang bertemakan 'Hari Autisme dan Hari Tibi Sedunia'.

Karnival ini merupakan anjuran bersama Kerajaan Negeri dan MBPJ dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO.

Pelbagai program disediakan antaranya 10,000 langkah, program Slim Selangor, senam sihat, saringan kesihatan dan mental, khidmat kaunseling, perkhidmatan rawatan gigi, dan pelbagai lagi program yang menarik.

KARNIVAL SUKAN REMAJA TERBUKA PETALING JAYA 2019

PETALING JAYA MUHAMED AZMI YUSOFF azmiyusoff@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menganjurkan program Karnival Sukan Remaja Terbuka Petaling Jaya 2019 selama tiga hari bermula 26 hingga 28 April 2019. Pada Karnival itu, terdapat lapan kejohanan sukan dipertandingkan antaranya adalah bola sepak, bola jaring, olahraga, sepak takraw, futsal, badminton, hoki dan tenis.

Penganjuran Karnival Sukan Remaja Terbuka Petaling Jaya telah memasuki tahun kedua penganjurannya. Majlis selaku penganjur sentiasa berusaha untuk membantu meningkat pembangunan sukan remaja bagi mencungkil lebih ramai bakat baru dalam pelbagai acara sukan dan juga meningkatkan jati diri dan keyakinan dalam diri para remaja. Selain itu, kejohanan seperti ini dapat membantu mengenal pasti keberkesanan program yang dianjurkan oleh Majlis untuk melahirkan pelapis jaguh atlet di masa akan datang.

Karnival itu terbuka penyertaan kepada remaja bawah 18 tahun dan sekolah-sekolah dan kelab-kelab sukan di sekitar Petaling Jaya adalah dijemput untuk menyertai karnival ini. Kesemua kejohanan ini menggabungkan semua kejohanan remaja yang selama ini dijalankan secara berasingan oleh Majlis. Usaha ini adalah untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan silaturahim antara kaum dalam kalangan belia.

MBPJ menganggarkan seramai 4,500 penyertaan dari kalangan remaja seluruh Malaysia menyertai kejohanan sukan di Karnival Sukan Remaja Terbuka Petaling Jaya 2019. Pada penganjuran tahun 2018, jumlah penyertaan yang direkodkan adalah seramai 3,324 orang. MBPJ memperuntukkan sebanyak RM 200,000.00 untuk penganjuran karnival sukan remaja pada tahun ini.